KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penang takes measures to save water	The Star
2.	Awas serangan 'Ransomware'!	Harian Metro
3.	Agency working to beef up leadership in information security	The Star
4.	6 online threats outlined	New Straits Times
5.	Three measures to counter cyber-attacks	The Sun
6.	Radiasi EMF di Malaysia kurang satu peratus	Berita Harian
7.	10km persisiran pantai dicemari tompokan minyak	Berita Harian
8.	Guna pengecas telefon bimbit berlabel SIRIM-ST atau SKMM – Suruhanjaya Tenaga	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

Penang takes measures to save water

By Aishah Afandi
aishah@mmail.com.my

GEORGE TOWN — A contingency plan is being worked out as the state attempts to overcome its water woes caused by the current dry spell.

State Agriculture, Agro-based Industries, Rural Development and Health Committee chairman Dr Afif Bahardin said all irrigation activities had been stopped and water supply was being focused on domestic use as the El Nino phenomenon is expected to persist until June.

"Agriculture activities, including padi farming had been delayed due to shortage of water caused by the current dry spell," he said.

"We are doing everything within our resources to solve this issue and we hope the federal government would assist us in the matter."

He added that although it rained for the past few days, the amount of rainfall was not enough to carry out agricultural irrigation works in the state.

It would be unprecedented if Penang was hit by a water crisis as the state has never implemented water rationing.

Penang Water Supply Corporation and PBA Holdings Bhd chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa has warned that some four million people in the northern region would be badly affected by an imminent water crisis.

He said water reserves in the regional dams would only last until June if the current aridity continued indefinitely, and called on Kedah to stop all irrigation activities involving Sungai Muda as the river was drying up.

Kedah has been continuing its irrigation of padi fields as the state has had rain for the past few days.

Nearly 80 per cent of Penang's water supply comes from Sungai Muda.

The Science, Technology and Innovation Ministry conducted cloud seeding on Tuesday at targeted dam areas in Perak, Penang, Kedah and Perlis, with limited success.

The operation was conducted from 2.50pm to 5.15pm at Timah Tason dam in Perlis, Ahning dam, Pedu dam, Muda dam and Beris dam, all in Kedah, and Teluk Bahang dam and Air Itam dam in Penang and Bukit Merah dam in Perak.

Minister Datuk Wilfred Madius Tangau said in a statement cloud seeding was done to trigger rain and increase water levels in the dams to prevent a regional water crisis.

The levels at the dams have dropped considerably, some near danger level, due to the extreme dry spell.

"However, the cloud seeding operations in the four states only had limited success as it only rained heavily at the Bukit Merah dam in Perak, while other areas remained dry," he said.

In Penang, water level at the Teluk Bahang dam was recorded at 59.5 per cent while Air Itam dam recorded only 57.4 per cent capacity.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 40
TARIKH: 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

Awas serangan 'Ransomware'!

■ *Virus berupa mesej serangan siber terbaru landa Asia*

Kalidevi Mogan Kumarappa dan Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Awas jika anda melihat mesej pop - up seperti 'Your computer has been infected with a virus. Click here to resolve the issue' (komputer anda sudah diserang virus. Tekan di sini untuk menyelesaikan isu ini) pada skrin komputer.

Itu adalah cara serangan siber terbaru yang semakin berkembang di rantau Asia dan ia boleh berlaku hanya dengan menekan satu pautan pada emel yang membawa kemungkinan mangsa diperas ugut untuk membayar ribuan ringgit kepada individu tidak dikenali selepas akses kepada sistem komputer disekat.

Serangan jenis ini dikenali sebagai 'Ransomware' adalah sejenis malware atau virus berbahaya yang menyerang komputer dan mengehadkan akses kepada sistem sehingga bayaran tertentu dibuat kepada pencipta virus untuk membuka sekatan.

Aplikasi berbahaya ini cuba memaksa mangsa membayar wang tebusan dengan mengeluarkan mesej 'pop-up' di atas skrin komputer.

Mesej pop-up ini akan menyatakan komputer pengguna sudah dikunci dan semua fail di dalamnya dienkripsi sebelum meminta wang tebusan dibayar bagi memulihkan semula akses ke komputer mereka.

Mengulas lanjut, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab berkata, serangan jenis ini pesat berkembang di rantau Asia malah ramai pakar keselamatan siber dari negara Jepun dan Hong Kong menyampaikan maklumat yang sama kepada agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu.

"Pencipta Ransomware akan mengakibatkan mangsa menjadi panik hingga menekan pautan ataupun membayar wang tebusan bernilai ribuan atau jutaan ringgit.

"Namun, pengguna tidak akan sedar, pembayaran wang tebusan bukan penyelesaian untuk serangan jenis ini berikutan mereka akan terjurus kepada jangkitan malware atau virus yang lain pula," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Persidangan Keselamatan Siber pada Abad ke 21 : Ancaman kepada Sektor Pertahanan dan Keselamatan sempena Pameran Persidangan Pertahanan Asia DSA 2016, semalam.

Beliau berkata, serangan ini tidak terhad kepada individu persendirian sebaliknya boleh melumpuhkan operasi atau sistem perniagaan dan syarikat selain mendatangkan kerugian besar berikutan terpaksa membaiki dan memulihkan sistem atau fail yang rosak serta boleh menjejaskan reputasi syarikat.


DR Amirudin

"Contoh mesej yang biasanya akan dipamerkan dalam ransomware termasuk 'Your computer was used to visit websites with illegal content. To unlock your computer, you must pay a $100 fine' (Komputer anda digunakan untuk mengakses laman web mengandungi bahan terlarang. Untuk mengakses komputer anda, tolong bayar denda $100) atau 'All files on your computer have been encrypted. You must pay this ransom within 72 hours to regain access to your data' (Semua fail anda sudah dienkripsi. Anda perlu membayar wang tebusan dalam tempoh 72 jam untuk mengakses data).

Katanya, masalah ini kini sedang berkembang pesat dan pencipta Ransomware ini tidak meletakkan sasaran kepada negara tertentu sebaliknya ia melangkaui batasan kemajuan sesebuah negara.

"Bagi memastikan serangan ini tidak tersebar secara meluas, semua pakar keselamatan siber di rantau ini perlu berganding bahu selain berkongsi pengalaman dan kepakaran untuk mengatasinya secara berkesan," katanya.

Pasar alat pengecas tulen

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Tenaga (ST) mengingatkan pengilang, pengimport, pembekal dan penjual supaya hanya memasarkan alat pengecas tulen yang mempunyai label SIRIM-ST atau yang dibekalkan bersama telefon bimbit dengan label Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

ST dalam kenyataan medianya semalam turut mengingatkan pengguna bahawa pengecas yang tidak tulen tidak terjamin keselamatannya. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (BUSINESS) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

CCISO recipients (from left) Solahuddin, Bavisi, Amirudin and CyberSecurity Malaysia senior vice-president, corporate services division Mohd Roslan Ahmad.

Agency working to beef up leadership in information security

CYBERSecurity Malaysia (CSM), an agency under the Science, Technology and Innovation Ministry, has successfully trained its top information security executives in the EC-Council's Certified Chief Information Security Officers (CCISO) programme.

The initiative is seen as important as there is a great scarcity of CISOs (chief information security officers) or capable information security leaders in Malaysia, and many strategic organisations are operating without a CISO as part of their company hierarchy.

CSM leadership has shown dedication in addressing this challenge head-on by training information security professionals in the five domains of the CCISO programme.

Speaking on the success of the partnership, EC-Council president and co-founder Jav Bavisi said the training would have an impact not only on participating executives but also on the region's cybersecurity as a whole.

"We hope that by training these talented InfoSec executives in the Certified CISO Body of Knowledge, we will actually see a change in the overall security posture implementation of the Government as well as the business community of Malaysia," he said.

The CCISO programme addresses how to align information security with the goals of the business or organise with the effect of creating a security programme that is integral to a business or organisation's success.

One of the greatest challenges for an information security programme is overcoming the organisation's culture in which it operates, and to go from being seen as a hindrance to progress to becoming an important component of success.

"The biggest challenge in Asean countries now is the lack of focused leadership for information security within organisations.

It translates to a drastically low number of CISOs in the government and corporate sectors," said EC-Council Global Services (EGS) executive director Danish Arshad.

"It also creates individual silos within organisations of various departments, all contributing to information security but working independently, leading to gaps in the information security eco-system that cyber-criminals can exploit.

"CSM has shown great leadership by example by emphasising the importance of skilled information security leadership in a particular security ecosystem of a organisation," he said.

CSM chief executive officer Dr Amiruddin Abdul Wahab said training was a way to provide opportunity to acquire knowledge, develop and strengthen skills, not to mention eliminate weaknesses.

"A development programme such as CCISO brings employees to another level, making them posses the ability to perform effectively and confidently. We are proud to announce that our chief technology officer (CTO) Dr Solahuddin Shamsuddin received the highest score in the world for CCISO, making him one of the Top 10 CISO globally," he added.

CSM encourages its employees to equip themselves with new sets of knowledge and skills. Employees with cyber-security skills are seen as critical in protecting digital infrastructures.

"We need cyber-security professionals who understand what works in theory and practice. With the nation facing new and dynamic risks, threats, and vulnerabilities, a highly skilled cyber security workforce capable of responding to these challenges is needed more than ever," added Amirudin.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

6 online threats outlined

KUALA LUMPUR: BAE Systems yesterday "unmasked" some of the biggest cyber threats faced by Malaysian businesses.

Applied Intelligence, BAE Systems' cybersecurity company, did this by unveiling six prominent types of cybercriminals through its "The Unusual Suspects" campaign.

The campaign aims to expose how cybercriminals can cause harm to companies around the world and provide practical ways to defend against them.

"As Malaysia moves towards greater participation in the digital economy, this will undoubtedly attract and expose the country to more cyberattacks," Applied Intelligence country manager Barry Johnson said at the Defence Services Asia Exhibition & Conference 2016.

"Understanding the motivation and methods of cybercriminals is core to any effective cyberdefence. There is a need to create awareness about who they are and equip companies with tools to defend against them."

The six types of cybercriminals, derived from what Applied Intelligence said was expert analyses of thousands of cyberattacks on businesses around the world, are:

THE MULE — naive opportunists who may not even realise they work for criminal gangs to launder money;

THE PROFESSIONAL — career criminals who "work" 9-5 in the digital shadows;

THE NATION STATE ACTOR — individuals who work directly or indirectly for their government to steal sensitive information and disrupt enemies' capabilities;

THE ACTIVIST — motivated to change the world via questionable means;

THE GETAWAY — the youthful teenager keen to impress and can escape a custodial sentence due to age; and,

THE INSIDER — disillusioned, blackmailed or even over-helpful employees operating from within the walls of their own company.

Applied Intelligence's profiling was in conjunction with the Cyber Security Conference at DSA 2016, which was sponsored by BAE Systems and opened by Deputy Defence Minister Datuk Johari Baharum.

Johari, in a speech, said the number of cybersecurity threats reported to Cyber Security Malaysia was increasing every year.

"From 1,038 cases in 2007, the figure has risen to 11,900 in 2015. Most of which were intrusions, intrusion attempts, fraud, cyberharassment and spam.

"There have also been attempts to hack into sensitive sites of government agencies, including the Defence Ministry."

Johari said nations had responded to the challenges of dealing with cybercriminals in different ways, including the formulation of national policy.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

Three measures to counter cyber-attacks

KUALA LUMPUR: Malaysia has proposed three measures for countries to work together in a bid to ward off the rising threat of cyber attacks.

Deputy Defence Minister Datuk Seri Mohd Johari Baharum said they were reorientation of the design philosophy of the Information and Communications Technology (ICT) systems, establishment of inter-disciplinary centres and providing leadership by example.

On the first measure, he said the focus should be on cyber defence systems, to ensure all computing systems reflect reliance as an inherent quality.

"There is a need for inter-disciplinary centres that connect academia, the private sector, national laboratories and the government, not just in terms of sharing information but also offering innovative and creative solutions.

"The defence and security community must provide leadership by example, develop partnerships, and provide support to the national and global efforts in meeting cyber security challenges to the defence and security domains," he said in his keynote address at the Cyber Security Conference in conjunction with the 15th Defence Services Asia exhibition and conferences here yesterday.

On Malaysia's cyber security threats, he said Cyber Security Malaysia reported 11,900 cases last year compared to 1,038 cases in 2007, comprising intrusion, intrusion attempt, fraud, cyber harassment, spam and attempts to hack into sensitive sites of government agencies, including the Defence Ministry. – Bernama

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

Radiasi EMF di Malaysia kurang satu peratus

Kuala Lumpur: Radiasi medan elektromagnetik (EMF) di negara ini kurang daripada satu peratus, sekali gus menafikan kebimbangan segelintir pihak mengenai kesannya terhadap kesihatan manusia.

Ketua Ekosistem Digital Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, berkata hampir 18,000 menara di Malaysia dibangunkan sebagai pemancar telekomunikasi.

Katanya, setiap pembinaan menara itu perlu mendapat kelulusan SKMM bagi memastikan radiasi EMF menepati piawaian standard.

"Antara pihak yang menentukan sama ada radiasi dihasilkan menara telekomunikasi tidak menjejaskan kesihatan manusia adalah Agensi Nuklear Malaysia.

"Setakat ini, kita jamin semua menara memancarkan gelombang EMF dengan kadar radiasi bawah satu peratus.

"Kadar radiasi EMF ini selamat kepada tubuh atau metabolisme manusia kerana ia amat rendah berbanding paras ditetapkan," katanya selepas menghadiri sidang pleno Simposium Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU)-Kumpulan Kerja Ke-5 (SG5) di sini, semalam.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

10km persisiran pantai dicemari tompokan minyak



Pegawai JAS mengambil sampel sisa minyak *yang terdampar di sepanjang persisiran Pantai Pelindung sehingga Pantai Batu Hitam, Kuantan, semalam.* [FOTO MUHAMMAD SHAFIQ MOHD ZAIN/BH]

» *JAS minta APMM kesan pihak bertanggungjawab*

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

Kuantan

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang meminta kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Jabatan Laut mengesan pihak bertanggungjawab menyebabkan persisiran Pantai Pelindung sehingga Pantai Batu Hitam sejauh 10 kilometer dicemari tompokan minyak.

Tinjauan *BH* mendapati tompokan sisa minyak seakan-akan tar itu ditemui sepanjang persisiran pantai dan pelbagai pihak mendakwa ianya dipercayai dibuang daripada kapal dagang di tengah laut yang mahu mengosongkan bekalan minyak lama sebelum mengisi minyak baharu.

Pengarah JAS Pahang, Rosli Zul, berkata pihaknya sudah mengambil sampel minyak di Pantai Pelindung dan Pantai Beserah, di sini kira-kira jam 4 petang semalam, untuk dianalisa dan keputusannya hanya akan diketahui dalam tempoh dua minggu lagi.

"Kita mengambil sampel tompokan minyak di dua tempat berasingan untuk dihantar ke Jabatan Kimia sebelum dapat mengetahui keputusannya dan membantu pihak berkaitan untuk mengesan dalangnya.

"Kita juga sudah memaklumkan perkara ini kepada Pejabat Daerah Kuantan supaya kerja pembersihan sisa minyak di bawah tanggungjawab agensi berkenaan mengikut Pelan Tindakan Pembersihan Pantai dapat dilakukan segera," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kejadian kali kedua

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Pantai Beserah, Aziz Mohamad pula berkata, kejadian itu adalah kali kedua di pantai berkenaan dan pihaknya meminta bantuan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) yang menggunakan jentolak untuk membuang tompokan minyak pada Februari tahun lalu.

"Kejadian kali ini bagaimanapun tidak seteruk sebelum ini tetapi kami berharap pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya untuk membersihkan sisa minyak ini demi kebajikan nelayan dan penduduk kampung di sini," katanya.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 21 APRIL 2016 (KHAMIS)

Guna Pengecas Telefon Bimbit Berlabel SIRIM-ST Atau SKMM - Suruhanjaya Tenaga

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Suruhanjaya Tenaga (ST) mengingatkan pengilang, pengimport, pembekal dan penjual supaya hanya memasarkan alat pengecas tulen yang mempunyai label **SIRIM**-ST atau yang dibekalkan bersama telefon bimbit dengan label Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

ST dalam kenyataan medianya hari ini turut mengingatkan pengguna bahawa pengecas yang tidak tulen tidak terjamin keselamatannya.

Pengguna juga disarankan untuk merujuk kepada prosedur keselamatan yang dinyatakan dalam manual pengguna dalam pakej telefon bimbit pengeluar asal dan tidak menggunakan telefon bimbit semasa sedang dicaj.

Ahad lalu, seorang suri rumah maut di kediamannnya di Cheras ketika menggunakan telefon bimbit yang sedang dicaj dengan alat pengecas tidak tulen, ekoran renjatan yang terhasil dari kebocoran elektrik pengecas tersebut.

-- BERNAMA